

Newspaper	Berita Harian
Date	15 September 2015

Komited laksana konsolidasi fiskal

BH
= 15/9/2015

» Kerajaan sentiasa pantau perkembangan ekonomi

Putrajaya

Kerajaan kekal komited melaksanakan konsolidasi fiskal untuk mencapai sasaran defisit fiskal yang lebih rendah sebanyak 3.2 peratus tahun ini berbanding 3.4 peratus tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kerajaan akan sentiasa memantau perkembangan ekonomi dan meminimumkan kesan daripada ketidaktentuan ekonomi global ke atas ekonomi negara.

Walaupun ada pelaksanaan langkah proaktif, beliau berkata, kerajaan terus komited melaksanakan konsolidasi fiskal untuk mencapai sasaran defisit fiskal yang lebih rendah.

Ekonomi lebih baik

"Komitmen kerajaan ini akan tetap dilaksanakan tahun ini dan tahun seterusnya," katanya.

Najib berkata, kedudukan ekonomi Malaysia kini lebih baik dan jauh berbeza berbanding ketika negara berdepan krisis kewangan Asia pada 1997/1998.

Kepelbagaian struktur ekonomi yang berasaskan komoditi seperti pertanian dan perlombongan, termasuk minyak dan gas, kini menyumbang hanya 18.2 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding 26.9 peratus pada 1998.

Beliau berkata, ekonomi negara terus berkembang dengan pertumbuhan sebanyak 5.3 peratus bagi separuh pertama tahun ini dan dijangka mencapai sasaran pertumbuhan yang masih kukuh antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus bagi keseluruhan 2015.

Ekonomi negara terus berkembang

"Bagi tahun 2016, ekonomi negara dijangka terus berkembang berbanding penguncupan atau negatif 7.4 peratus pada 1998," katanya.

Najib berkata, inflasi juga masih terkawal pada kadar 3.3 peratus, walaupun mengalami sedikit peningkatan berikutan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berbanding 5.3 peratus pada 1998 se-

mentara kadar pengangguran pula stabil pada kadar 3.1 peratus pada Jun, iaitu masih pada tahap guna tenaga penuh.

Katanya, rizab antarabangsa kini berjumlah RM357.7 bilion dan mencukupi untuk membiayai 7.4 bulan import tertanggung dan bersamaan saiz hutang luar negeri jangka pendek berbanding rizab antarabangsa yang hanya berada pada paras RM59.1 bilion pada Disember 1997 dan mencukupi untuk membiayai hanya 3.2 bulan import tertanggung.

Tak perkenal kawalan modal

"Kejatuhan nilai mata wang ringgit dijangka tidak memberi kesan besar kepada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan memandangkan 97 peratus daripadanya adalah dalam ringgit dan sebahagian besarnya dibiayai daripada sumber tempatan," katanya.

Najib juga menegaskan kerajaan tidak berhasrat memperkenalkan kawalan modal memandangkan sistem perbankan dan pasaran modal negara kini lebih berdaya tahan dan mampu untuk menghadapi ketidaktentuan ekonomi.

"**Ekonomi negara terus berkembang dengan pertumbuhan sebanyak 5.3 peratus bagi separuh pertama tahun ini dan dijangka mencapai sasaran pertumbuhan yang masih kukuh antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus bagi keseluruhan 2015**"

"**Kejatuhan nilai mata wang ringgit dijangka tidak memberi kesan besar kepada jumlah hutang kerajaan Persekutuan memandangkan 97 peratus daripadanya adalah dalam ringgit dan sebahagian besarnya dibiayai daripada sumber tempatan**"

Najib Razak,
Perdana Menteri